

08/09/1998

PM lawat Kedai Telekom di Sympo 98

MENARIK ... Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diberi taklimat di Kedai Telekom sambil diperhatikan oleh Ketua Eksekutif Telekom, Datuk Mohamed Said Mohamed Ali (kiri) selepas merasmikan Sympo 98.

Turut hadir isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin; dan Pengerusi Sympo 98, Datuk Abdul Rahman Hamzah.

Sympo 98 adalah pameran terbesar yang pernah diadakan di negara ini dengan kawasan seluas tujuh hektar. Ia terletak kira-kira setengah kilometer dari kompleks Bukit Jalil yang bertemakan konsep 'Belilah Barangan Malaysia'.

Taman berkenaan mengandungi taman hiburan, permainan elektronik, pusat kraftangan, Mickey World of Fun dan pelbagai gerai makanan Malaysia.

Bayaran masuk ialah RM5 seorang atau RM20 bagi satu keluarga. Sympo 98 dibuka dari 3 hingga 22 September, iaitu sempena Sukan Komanwel XVI.

(END)